

08/11/2004

Dr M gesa umat Islam tidak buat binasa

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad meminta umat Islam tidak membuat sesuatu yang boleh mendatangkan kebinasaan walaupun marah dengan tindakan kuasa besar, Amerika Syarikat (AS) terhadap umat Islam.

Beliau yang menyatakan rasa dukacitanya dengan pelantikan semula George W Bush sebagai Presiden Amerika Syarikat berkata, dengan pelantikan itu, sudah tentu Bush akan membawa lebih banyak malapetaka kepada umat Islam.

"Saya sungguh dukacita dengan perkara ini dan sudah tentu Bush akan membawa malapetaka kepada Islam dan tempoh empat tahun akan datang tentunya akan dipenuhi dengan tindakan tidak bertimbang rasanya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Berbuka Puasa anjuran Yayasan Kepimpinan Perdana dan Yayasan Albukhary di tempat letak kereta Masjid Negara, semalam.

Majlis itu turut dihadiri isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan pengasas serta pengerusi Yayasan Albukhary, Tan Sri Syed Mokhtar Albukhary.

Dr Mahathir berkata, rakyat negara ini boleh berpuasa dalam keadaan sempurna dan aman.

Katanya, umat Islam di negara ini bertuah berbanding di negara yang berperang dan mereka mungkin mati kerana ditembak sebelum sempat berbuka puasa.

(END)